



# MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN MORAL

## Tajuk: Hak dalam Keluarga

**Nilai Teras:** Hormat-menghormati

**Konteks:** Keluarga

**Masa:** 1 jam

**SK:** 2.3 Mengekalkan Amalan Tradisi Kekeluargaan dalam Sesuatu Kaum

**SP:** 2.3.1 Menyenaraikan amalan tradisi kekeluargaan dalam sesuatu kaum

### Literasi Sivik

#### Pengetahuan:

Menjelaskan sekurang-kurangnya tiga cara menghormati ahli keluarga dengan tepat

#### Sosioemosi:

Mengekspresikan perasaan apabila menghormati dan dihormati sesama ahli keluarga

#### Tindakan:

Mempraktikkan amalan menghormati dan dihormati sesama ahli keluarga

### Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Guru menayangkan video berkaitan amalan tradisi setiap kaum.
2. Guru memberi peluang kepada setiap murid membuat refleksi berkaitan video yang ditayangkan.
3. Guru membahagikan kepada beberapa kumpulan.
4. Murid diminta mendapatkan maklumat dengan menyenaraikan amalan tradisi kekeluargaan mengikut kaum.



### Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Murid diminta untuk memberi komen tentang video yang ditayangkan.
2. Murid diminta menyatakan perasaan tentang aktiviti tradisi kekeluargaan yang ditayangkan dalam video tersebut.

### Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Dalam kumpulan yang sama, murid akan membuat simulasi berkaitan amalan tradisi kekeluargaan apabila berada bersama dengan orang yang lebih tua.
2. Murid lain diarahkan untuk menyenaraikan nilai yang cuba ditonjolkan dalam simulasi tersebut.

**Refleksi:** (Diisi oleh guru sebaik-baik sahaja selesai pengajaran)